

Tinjauan Semasa Tahap Pemahaman dan Penguasaan Pelajar Sekolah Rendah KAFA: Prospek Pembangunan Bahan Bantuan Mengajar di Era Revolusi Industri 4.0

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 10-22
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 December 2021
Accepted: 28 December 2021
Published: 14 January 2022

[Trend study of the Level of Understanding and Proficiency of KAFA Primary School Students: Prospects for the Development of Teaching Aids in the Era of the Industrial Revolution 4.0]

Farrah Wahida Che Ros,¹ Zamri Arifin,² Shamsul Azhar Yahya¹

1 Institut Islam Hadhari, Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi, Selangor, MALAYSIA. e-mail: piwahida@usm.my; hjshamsul@ukm.edu.my

2 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi, Selangor, MALAYSIA. e-mail: abuzaim@ukm.edu.my

* Corresponding Author: piwahida@usm.my

Abstrak

Pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa asing/kedua semakin mendapat perhatian di Malaysia khususnya di era perkembangan revolusi industri 4.0. Kepentingan penguasaannya kini bukan sahaja dilihat dari aspek pendidikan agama Islam sahaja tetapi turut mengambil kira usaha pengembangan pelbagai sektor pendidikan tinggi, ekonomi, industri dan kerjasama antara negara dunia Islam. Sekolah Rendah KAFA merupakan medium pertama dalam pembinaan generasi yang dapat menguasai bahasa Arab. Malangnya, banyak faktor yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut termasuklah kelemahan dalam amalan pedagogi, penggunaan alat/bahan bantu mengajar (BBM) dan kegagalan memanfaatkan perkembangan teknologi semasa. Dapatan daripada kajian terdahulu membuktikan bahawa pemahaman dan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar pelbagai peringkat termasuklah di sekolah KAFA masih belum berada pada tahap yang memuaskan berbanding pembelajaran bahasa kedua/asing yang lain. Justeru, penulisan artikel ini bertujuan untuk mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan dan alternatif yang relevan dengan perkembangan teknologi di zaman revolusi industri 4.0 bagi diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya di sekolah-sekolah KAFA. Kertas ini akan meninjau pandangan dan kajian yang berkaitan di samping mengemukakan saranan yang boleh membantu guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab demi untuk mewujudkan inovasi baru dalam amalan pengajaran di dalam atau di luar bilik darjah khususnya di Sekolah Rendah KAFA.

Kata kunci: Pemahaman, Penguasaan, Bahasa Arab, Sekolah Rendah KAFA.

Abstract

Arabic language education as a foreign/second language is gaining attention in Malaysia, especially in the era of the 4.0 industrial revolution's development. The importance of its mastery is nowadays seen not only in accordance to Islamic religious education, but also in terms of efforts to expand various sectors involving higher education, the economics, industry, and international collaboration among Islamic countries. A KAFA Primary School is the first step towards developing a generation of Arabic language experts. Unfortunately, many factors contribute to the lack of effectiveness of language teaching and learning process, including pedagogical practice, the use of teaching aids/materials (BBM) and failure to take advantage of current technological developments. Previous studies have shown that students comprehension and mastery of Arabic at various levels including in KAFA schools, is still lacking as compared to other languages. Thus, the writing of this article aims to

suggest improvement measures and alternatives relevant to the development of technology in the era of industrial revolution 4.0 to be applied in the process of language teaching and learning Arabic, especially in KAFA schools. This paper will review relevant viewpoints and research, as well as provide recommendations that will help Arabic teachers in developing new teaching strategies within and outside the classroom, specifically in KAFA Primary Schools.

Keywords: Comprehension, Mastery, Arabic, KAFA Primary School

Cite This Article:

Farrah Wahida Che Ros, Zamri Arifin & Shamsul Azhar Yahya. 2022. Tinjauan Semasa Tahap Pemahaman dan Penguasaan Pelajar Sekolah Rendah KAFA: Prospek Pembangunan Bahan Bantuan Mengajar di Era Revolusi Industri 4.0 [Trend study of the Level of Understanding and Proficiency of KAFA Primary School Students - Prospects for the Development of Teaching Aids in the Era of the Industrial Revolution 4.0]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 10-22.

Pengenalan

Bahasa merupakan sistem komunikasi yang menjadi perantaraan perhubungan manusia di seluruh dunia. Perkembangan ketamadunan manusia juga sangat berkait rapat dengan perkembangan sistem komunikasi. Bahasa Arab merupakan salah satu daripada tiga bahasa utama dunia yang memainkan peranan penting dalam sejarah dan peradaban manusia. Pengkaji sejarah telah menambah dua lagi bahasa menjadikan kesemuanya lima bahasa utama yang telah memberi sumbangan besar dalam sejarah perkembangan tamadun manusia. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Cina Kuno, bahasa Sanskrit, bahasa Latin, bahasa Greek dan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, hanya bahasa Arab yang masih digunakan dan terus berkembang sehingga kini (Karim & Hussin, 2011).

Bahasa Arab kini semakin digunakan secara meluas dalam pelbagai aspek seperti perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia, ekonomi, industri dan hubungan diplomatik di antara negara-negara Islam. Malah, sejurus perkembangan revolusi industri 4.0. Bahasa Arab diramalkan boleh menjadi elemen penting dalam pembangunan sistem *Internet of Things (IoT)* kerana kebanyakan negara-negara Arab sedang mengalami arus pembangunan yang pesat. Untuk fasih berbahasa Arab tidak kira berkomunikasi atau penulisan, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi seperti masalah yang berkaitan dengan sintaksis, morfologi, dan tatabahasa sebagai contoh bentuk kata dan kata-kata terbitannya (Abdul Razif, et al, 2019). Kedudukan bahasa Arab adalah berlainan berbanding bahasa Inggeris yang diiktiraf sebagai bahasa kedua. Oleh itu, bagi mencapai tahap penguasaan bahasa yang baik, pelajar-pelajar sepatutnya menunjukkan sikap yang selari dengan minat mereka seperti membaca bahan bahasa Arab, mendengar perbualan dalam bahasa Arab, mencari maklumat dalam bahasa Arab melalui kemudahan internet dan tidak ketinggalan berkomunikasi dengan mereka yang memiliki kemampuan bertutur bahasa Arab di dalam kelas, di luar kelas, dan sebagainya (Ahmad Farid Fadhli Mustafa & Abd Halim Mohamad, 2014). Selain itu, Bahasa Arab juga dianggap sebagai bahasa asing di Malaysia (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Oleh itu, perubahan sikap yang negatif kepada sikap positif adalah penting untuk menjamin kejayaan pelajar itu dalam menguasai bahasa Arab.

Zamri Ahmad dan Ibtisam Abdullah (2014) menjelaskan bahawa guru memainkan peranan penting dalam memastikan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab berada pada tahap optimum. Hasyim Asy'ari (2016) menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu amat lemah walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat.

Menurut Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad dan Azman Che Mat, (2013) dalam kajian mereka, dalam subjek bahasa Arab memang terdapat pelajar-pelajar yang mempunyai masalah dalam penguasaan bahasa Arab malah ada juga segelintir pelajar-pelajar yang tidak dapat menguasai bahasa Arab. Namun, kejayaan ini mampu dicapai dan boleh dilihat dalam pelbagai bentuk. Contohnya, kemajuan pembelajaran mereka adalah cepat, mudah menguasai perkataan atau ayat baru, atau sering mencapai keputusan yang baik dalam ujian bahasa.

Penulisan artikel ini bertujuan meninjau sejauh mana tahap pemahaman dan penguasaan bahasa Arab terhadap pelajar sekolah rendah iaitu KAFSA. Oleh itu, faktor kefahaman dan penguasaan yang akan dikaji berkait rapat dengan gaya pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat menarik minat pelajar mempelajari dan menguasai bahasa Arab tersebut. Di samping itu, perbincangan yang akan dihuraikan adalah berkaitan dengan kepelbagaian penggunaan alat bantu mengajar (ABM).

Sorotan Kajian

Perkembangan Semasa Tahap Pemahaman dan Penguasaan Bahasa Arab

Menurut Norazman Mohd Noordin (2006) mendapati bahawa gaya pembelajaran masa kini gagal kerana hanya tertumpu kepada penilaian peperiksaan semata-mata yang lebih kepada penguasaan kemahiran bacaan. Malah ini juga selari dengan pendapat Ahmad Farid Fadhli (2014) berpendapat bahawa kebanyakan masyarakat di Malaysia sudah mampu menguasai bahasa Arab melalui pembacaan al-Quran yang dipraktikkan dalam ibadah harian mereka.

Pendidikan pada peringkat rendah, perkembangan bahasa Arab melalui tahap pemahaman berada pada tahap baik. Hal ini kerana pelajar diberikan pendedahan pembelajaran bahasa Arab dikedua-dua peringkat sekolah rendah mahu pun KAFSA. Keseimbangan kedua-dua aliran ini telah membantu pelajar dalam memahami bahasa Arab secara asas. Walaupun begitu perkembangan pada tahap penguasaan bahasa Arab terhadap pelajar menunjukkan berada pada tahap sederhana. Ini terbukti dengan kajian oleh Ismail dan rakan-rakan (2013) menyatakan bahawa minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab adalah tinggi sebanyak 66% dan diikuti dengan kesungguhan, pencapaian dan dorongan yang tinggi.

Pengajaran Guru

Kaedah pengajaran adalah perantara penting dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Dalam menyampaikan sesuatu pengajaran khususnya pengajaran bahasa Arab, penggunaan

kaedah yang sesuai dan menarik adalah elemen yang sangat penting. Perkara ini dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan. Tambahan pula, pengajaran yang berkualiti disampaikan oleh guru yang mempunyai keupayaan pedagogi yang tinggi juga turut menyumbang kepada prestasi dan penguasaan pelajar (Abdul Rahman Abdullah, 2009).

Dalam mempelbagaikan konsep pengajaran, guru boleh mengaplikasikan bahan bantu mengajar yang dapat menyumbang kepada pengajaran yang lebih menarik dan dapat menimbulkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru adalah platform untuk memudahkan guru memberi kefahaman kepada pelajar dalam pengajarannya. Penyataan tersebut disokong oleh dapatan kajian yang diperolehi oleh Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya (2012) di mana penggunaan alat bantu mengajar memberi impak yang positif dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran.

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar dapat memperjelaskan pengajaran guru dan berupaya menambahkan kelancaran pengajaran mereka (Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad & Rahmah Yahya, 2012). Contohnya, jika komputer dapat digunakan secara sistematik dan bekesan oleh guru, maka ia akan mampu menyelesaikan sebarang masalah pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Siti Maria & Zamri (2016) gaya pengajaran pakar Grasha mampu mempengaruhi peningkatan pencapaian pelajar. Malah implikasi kajian menunjukkan bahawa dalam kalangan guru KAFA Integrasi perlu menguasai gaya pengajaran Grasha yang lain agar dapat meningkatkan kemampuan dan juga menarik minat pelajar menguasai bahasa Arab. Gaya pengajaran tidak boleh dipisahkan dengan penggunaan alat bantu mengajar (ABM). Kepelbagaian penggunaan ABM dapat membantu menarik minat pelajar menguasai bahasa Arab. Dalam situasi begini, guru amat berperanan untuk mencari idea untuk mempelbagaikan ABM terutamanya kepada pelajar-pelajar yang lemah untuk memahami bahasa Arab. Pembelajaran di sekolah KAFA agak berlainan daripada sekolah rendah harian bantuan kerajaan kerana dari sudut prasarana yang kurang mencukupi, tempoh masa yang singkat dan sebahagian guru-guru daripada kalangan lepasan pendidikan akademik yang sederhana. Perkembangan semasa dari segi pengajaran guru KAFA di peringkat yang sederhana sahaja. Masih terdapat kekurangan daripada pelbagai sudut pengajaran guru KAFA seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Faktor Pemahaman

Kesedaran guru terhadap keperluan pelajar mempelajari bahasa Arab akan memastikan bahawa matlamat dan objektif pengajaran yang digariskan oleh guru sentiasa menepati keperluan pelajar dalam mempelajari bahasa ini. Selain daripada memahami dan menghayati al-Quran, keperluan sebenar pelajar dalam mempelajari bahasa ialah untuk membentuk keupayaan komunikatif ke dalam diri mereka (Mohd Shahrizal Nasir dan rakan, 2013; Muhammad Sabri Sahrir, 2015; Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Bin Pa, 2006). Apabila aktiviti pengajaran-pembelajaran menepati keperluan sebenar para pelajar, usaha memupuk minat terhadap bahasa yang dipelajari akan menjadi lebih mudah dan boleh mengelakkan para pelajar daripada merasa bosan.

Ekoran daripada perkembangan pendekatan komunikatif, lahir teori-teori pengajaran-pembelajaran bahasa yang memberi gambaran lebih menyeluruh tentang bagaimana bahasa itu dikuasai berbanding pendekatan-pendekatan sebelumnya. Pendekatan ini telah mengubah bentuk pengajaran yang agak menjemukan dengan latihan-latihan yang berbentuk mekanikal kepada satu bentuk yang lebih menyeronokkan. Pendekatan ini telah menerangkan tentang apakah maksud sebenar struktur bahasa dan bagaimanakah menggunakannya, mengutamakan aspek makna, menggabungkan nosion, fungsian serta strategi, dan silibus komunikatif telah memberi penekanan kepada aspek makna dengan lebih sistematik. Sebenarnya kedatangan pendekatan komunikatif bukan bertujuan menafikan idea-idea atau teknik-teknik sebelumnya akan tetapi ia melihat idea-idea lama perlu dinilai semula bagi memaju dan menyempurnakan lagi kualiti pengajaran-pembelajaran bahasa kedua.

Pada peringkat KAFA faktor pemahaman pelajar bergantung kepada pengajaran guru dan sukatan yang diajar. Proses pembelajaran bahasa Arab pelajar dengan memahami perkataan bahasa Arab tersebut lalu guru akan menterjemahkan perkataan-perkataan tersebut dalam bahasa Melayu supaya pelajar mudah memahami dengan jelas seperti kehendak atau arahan soalan dalam latihan. Status kejayaan guru berdasarkan kepada proses pembelajaran wujudnya tindak balas pelajar serta interaksi sesama mereka dalam pelajaran tersebut. Sebenarnya tanpa disedari pelajar telah mempelajari bahasa Arab tersebut setiap hari melalui sebutan lafaz dan perkataan dalam solat. Seperti perkataan "الله أكبر", "حي على الصلاة", dan sebagainya merupakan sebutan harian kita sebagai seorang muslim dalam mengerjakan ibadah harian kita. Ini membuktikan kita dapat memahami dan mengetahui makna perkataan-perkataan tersebut dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

Faktor Penguasaan

Faktor penguasaan berkait rapat dengan minat ditakrifkan sebagai keinginan pelajar untuk mengetahui sesuatu bahasa (Muhamad, Ahmad, & Mat, 2013). Melalui kajian mereka, didapati terdapat lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan ialah: mata pelajaran Bahasa Arab adalah penting (84.9%), persekitaran bahasa Arab yang kondusif (73.1%), mata pelajaran ini mudah dipelajari dan difahami (69.9%), kesedaran diri (68.8%) dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (67.7%). Manakala tiga faktor yang kurang mendapat persetujuan secara turutan ialah dorongan keluarga (58%), pengaruh rakan sebaya (60.2%) dan usaha sendiri (61.3%). Begitu juga dalam kajian lain, minat untuk mempelajari dan mengkaji bahasa Arab adalah disebabkan oleh faktor agama seperti untuk memahami al-Quran bahasa peradaban Islam dan bahasa untuk memahami sumber agama Islam (Kamarul Shukri & Linamalini, 2019). Bahkan kajian yang dilakukan oleh Kamarul Shukri dan Linamalini (2019) menegaskan bahawa apabila mengkaji penguasaan mempelajari bahasa Arab atau mana-mana bahasa yang berkaitan dengan agama, maka faktor agama mesti diberi pertimbangan yang sewajarnya. Namun faktor lain seperti pelancongan juga menjadi sebab bahasa Arab diajar dan dipelajari di Malaysia (Kamarul Shukri & Linamalini, 2019). Kesungguhan pula ialah usaha seseorang menggunakan pelbagai strategi untuk mencapai objektif yang disasarkan.

Terdapat kajian mengkaji faktor perbezaan lokaliti terhadap penguasaan bahasa Arab KAFA di Malaysia (Basumi, & Hassan, 2019). Kajian ini telah membuktikan bahawa guru

bahasa Arab yang mengajar bahasa Arab untuk kedua-dua lokaliti (bandar dan luar bandar) masing-masing berkongsi ilmu dan membimbing pelajar-pelajar mengikut gaya pengajaran pakar yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian (Basumi, & Hassan, 2019). Ini berlaku mungkin kerana kelemahan semasa fasa perpindahan maklumat dan info daripada guru-guru kepada pelajar-pelajar. Antara masalah berlaku perkara seperti yang disebut adalah kerana gaya pengajaran yang tidak selari dengan gaya pembelajaran pelajar-pelajar. Kepentingan gaya pengajaran tidak boleh diabaikan kerana ianya adalah sebahagian kepada peranan di dalam proses interaksi guru dan pelajar-pelajar (Grasha, 1994). Antara faktor lain yang menyumbang kepada kemerosotan pencapaian bahasa Arab KAFA di Malaysia adalah kerana sikap pelajar-pelajar yang pasif dalam bahasa Arab. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu menyatakan bahawa, pelajar-pelajar percaya bahawa mereka mempunyai kepercayaan diri yang lemah dan kurang bermotivasi dan juga tidak yakin bahawa mereka boleh menguasai bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang susah (Kassim, Damit, & Taat, 2017). Menurut pengkaji terdahulu juga, pelajar-pelajar KAFA mempunyai daya ingatan yang lemah, dan seterusnya akan mempengaruhi tahap penguasaan dalam Bahasa Arab (Kassim, Damit, & Taat, 2017). Oleh itu, sikap yang positif dan bermotivasi untuk menguasai bahasa Arab adalah merupakan faktor yang penting dalam menentukan kejayaan dalam bahasa Arab (Kassim, Damit, & Taat, 2017).

Selain itu juga, terdapat pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk mengikuti aktiviti PdP bahasa Arab dengan baik. Pernyataan ini disokong dan selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Saini dan Mohammad Seman (2010) bahawa terdapat segelintir pelajar sukar untuk mengikuti kelas PdP bahasa Arab kerana penyampaian isi kandungan pengajaran bahasa Arab oleh guru adalah laju dan cepat (Kassim, Damit, & Taat, 2017). Ini menyebabkan segelintir pelajar ini tidak dapat mengikuti kelas PdP yang dijalankan dan pelajar ini sendiri mempunyai sikap yang pasif iaitu malu untuk bertanya. Oleh itu, guru bahasa Arab dan pelajar-pelajar hendaklah memperkemaskan lagi amalan pengajaran dan pembelajaran mereka bagi menjamin keberhasilan dan kejayaan mata pelajaran bahasa Arab.

Melihat perkembangan semasa dalam faktor penguasaan pelajar KAFA terletak kepada sejauh mana pelajar tersebut dapat menjawab soalan peperiksaan KAFA terutamanya Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK). Jika pelajar dapat menjawab dengan cemerlang peperiksaan dan Ujian UPKK bagi mata pelajaran bahasa Arab berdasarkan sukatan yang diberikan, bermakna pelajar tersebut telah berjaya menguasai sepenuhnya bahasa tersebut.

Sikap Pelajar

Menurut Jamilah Hj Ahmad dan Niranjaya Weerakkody (2011), kesungguhan untuk memperbaiki penggunaan pelajar terhadap bahasa dan pencapaian tidak hanya bergantung pada penggunaan bahan pandang-dengar dan guru, tetapi guru juga perlu memahami sikap pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan motivasi mereka. Oleh itu, sikap dan motivasi mampu memberi impak terhadap tahap pencapaian mereka sama ada di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi. Dalam pada itu, motivasi juga memberi sumbangan kepada peningkatan penguasaan pelajar-pelajar dalam mata pelajaran lain.

Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha. Sikap dibentuk dari pengalaman dan persepsi seseorang terhadap sesuatu

perkara atau fenomena (Jamilah Hj Ahmad dan Niranjaya Weerakkody, 2011). Persepsi pelajar-pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran akan membentuk sikap mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Kebiasaannya sikap seringkali dikaitkan dengan kemajuan dan kegagalan pelajar-pelajar dalam mata pelajaran tertentu. Sikap negatif seperti membenci dan memandang rendah kepada sesuatu bahasa menyukarkan pembelajaran bahasa kedua (Jamilah Hj Ahmad dan Niranjaya Weerakkody, 2011). Hal ini kerana pelajar yang menggunakan sikap yang negatif akan menggunakan strategi yang kurang berkesan dalam pembelajaran bahasa kedua. Tambahan pula, kurangnya pendedahan kepada bahasa kedua menyebabkan pelajar mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa tersebut.

Kajian tentang sikap dan minat pelajar oleh Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shahrudin, Farah Nur- Rashida Rosnan, dan Wazzainab Ismail (2019) mendapati bahawa minat pelajar terhadap bahasa Arab adalah tinggi namun, para pelajar tidak menunjukkan sikap yang selari dengan pengkhususan mereka. Sikap pasif pelajar juga antara masalah utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, & Hanis Najwa Shahrudin, 2014). Kajian Ishak Baba (2009) membuktikan faktor sikap mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran. Antara sikap pelajar yang paling banyak dikesan adalah pasif di dalam kelas. Pelajar tidak memberi respon kepada pengajaran guru dan hanya menunggu serta mendengar sahaja apa yang disampaikan oleh guru.

Oleh itu, guru hendaklah memainkan peranan supaya dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab melalui gaya pengajaran dan kepelbagaian penggunaan ABM. Pendidikan di peringkat KAFA, sikap pelajar dapat dilihat berdasarkan kepada kemahuan dan minat mempelajari al-Quran. bahasa Arab dan al-Quran merupakan elemen yang tidak dapat dipisahkan. Kekuatan mempelajari bahasa Arab terletak kepada kemahuan seseorang mempelajari ilmu Al-Quran tersebut. Pembelajaran Al-Quran merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar KAFA sepanjang belajar di KAFA. Bukti keberkesanan pelajar adalah melalui kebolehan menyebut huruf dan perkataan yang terdapat dalam Al-Quran tersebut. Jika tidak mengetahui makna perkataan tersebut tidak mengapa kerana hanya dengan menyebut sahaja pelajar tersebut mula mempelajari bahasa Arab.

Cadangan Penambahbaikan untuk Meningkatkan Tahap Pemahaman dan Penguasaan pada Masa Hadapan

Jadual 1: Cadangan Penambahbaikan

Cadangan Penambahbaikan untuk meningkatkan Tahap Pemahaman dan Penguasaan pada masa hadapan		
Inovasi melalui Proses pedagogi	Penggunaan sistem <i>internet of things (IoT)</i>	Sistem penilaian pengukuran Tahap Pemahaman dan Penguasaan
Inovasi Perisian My Kalam	My Pantau	Penilaian pengukuran:
Inovasi Mikraj Kalam		- sepanjang pembelajaran - penilaian akhir tahun.

Inovasi melalui Proses pedagogi

Diadaptasikan dari bahasa Inggeris, terjemahan seperti penggunaan kemahiran atau cara baru, bentuk yang menggunakan sedikit bahan, intelektual bagi membuahkan hasil yang diinginkan. Konsep "inovasi pedagogi" iaitu mempunyai ruang yang terhad dan membawa makna yang sama. Transformasi membimbangkan baru-baru ini bukan sahaja kehidupan ekonomi negara, bahkan juga bidang intelektual seperti universiti dan sekolah.

a. **Inovasi Perisian *My Kalam***

Antara cadangan inovasi melalui proses pedagogi dengan mencipta perisian yang berkonsepkan permainan kata menerusi penggunaan teknologi. Pemilihan konsep ini bersesuaian dengan masyarakat yang mempunyai sifat suka bersaing sesama sendiri. Tambahan pula terdapat banyak perisian yang berunsurkan permainan secara atas talian dan mudah diakses oleh semua golongan masyarakat termasuklah pelajar-pelajar sekolah rendah. Tujuan utama cadangan pembinaan perisian tersebut adalah untuk menarik minat dalam kalangan pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab. Antara yang menarik dalam perisian tersebut iaitu pencarian perkataan adalah tiada terhad bilangan, gambar, sebutan dan terjemahannya. Setiap pengguna yang mengakses perisian ini akan direkod dan dipantau oleh guru dan waris pelajar, seterusnya mereka akan memperolehi markah dan mata berdasarkan kepada tahap penguasaan bahasa Arab.

b. **Inovasi *Mikraj Kalam***

Inovasi ini tidak memerlukan alatan teknologi untuk digunakan. Mikraj Kalam merupakan inovasi berkonsepkan permainan tradisional yang diadaptasikan ke dalam pembelajaran melalui ABM. Objektif permainan ini adalah untuk menarik minat pelajar memperbanyakkan perkataan. Guru berperanan sebagai mentor kepada pelajar agar mereka dapat mengakses permainan ini. Proses permainan ini melalui arahan guru daripada awal sehingga akhir permainan. Bentuk permainan ini adalah dengan cara pelajar akan mendapat gambaran atau *clue* untuk mendapat jawapan. Jikalau berjaya menjawab akan mendapat mata dan akan mara ke peringkat seterusnya sehinggalah mereka dapat menguasai bahasa Arab melalui Mikraj Kalam ini.

Sejajar dengan perkembangan masa kini, malahan pula sehingga sekarang dunia dikejutkan dengan kemunculan virus covid-19 merbahaya yang telah mengorbankan ramai orang dari seluruh dunia dan sehingga kini masih berleluasa lagi virus tersebut. Hal ini telah menyebabkan kelumpuhan pelbagai sistem seperti ekonomi, keselamatan, pendidikan dan sebagainya. Sistem pendidikan begitu terkesan sekali kerana pelajar-pelajar daripada pelbagai peringkat rendah, menengah dan tinggi tidak dapat meneruskan pembelajaran secara semuka. Di sini teknologi memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan penggunaan teknologi menelusuri sistem pembelajaran secara atas talian. Keterlibatan guru secara sepenuhnya amat diperlukan serta mempelbagaikan ABM dan teknik mengajar secara atas talian bagi menarik minat pelajar mempelajari, memahami dan menguasai ilmu tersebut.

Penggunaan sistem *internet of things* (IoT)

Sistem *internet of things* atau seringkali disebut IoT merupakan konsep jaringan komunikasi di antara apa sahaja yang berada di sekeliling yang telah diperkenalkan oleh Kevin Ashton pada tahun 1999 (Berita Harian Online, 6 Mei 2019). Penggunaan teknologi dalam internet sememangnya tidak asing lagi terutamanya di zaman globalisasi sekarang. Menghubungkan antara teknologi dan peralatan, mesin atau seumpamanya merupakan satu kaedah baharu yang dikenali sebagai IoT. Menurut Yoyon Efendi (2018), IoT merupakan satu konsep yang memberi faedah yang lebih luas yang dapat dihubungkan antara teknologi dan peralatan lain walaupun berada di tempat yang berlainan. Dunia yang dikejutkan dengan pandemik covid 19 terpaksa akur dan menjalankan kehidupan dengan suasana dan norma baharu termasuklah kaedah pembelajaran pelajar. Situasi ini memaksa guru-guru menggunakan kaedah baharu ini kerana pelajar tidak akan ketinggalan dan mereka tidak dapat meneruskan pembelajaran di sekolah. Dalam sistem pendidikan terkini, guru dan pelajar terpaksa menggunakan beberapa perisian seperti Google Meet, Webex dan seumpamanya untuk meneruskan pembelajaran di rumah. Beberapa kelemahan tidak boleh dielak dengan kaedah ini, namun guru dan pelajar terpaksa juga meneruskan kaedah ini. Antara kelemahan yang dikesan ialah ada sebahagian pelajar tidak memberi perhatian sepenuhnya dalam kelas secara atas talian, sebaliknya mereka menggunakan kesempatan untuk menyalahgunakan telefon pintar dengan menonton Youtube, melayari Facebook, bahkan ada yang bermain *game* secara atas talian.

Oleh itu, perlu pembinaan satu sistem untuk memastikan pelajar dapat memberi perhatian dan guru pula dapat mengesan pelajar yang tidak mengikuti kelas atau membuka perisian lain ketika kelas sedang dijalankan. Justeru, IoT perlu digunakan dan diadaptasi ke sistem perjalanan kelas agar matlamat pembelajaran dapat dicapai oleh guru. Antara cadangan sistem IoT ialah My Pantau yang boleh mengesan sebarang aktiviti pelajar terutamanya ketika dalam kelas. Selain guru, waris pelajar turut dapat memantau segala pergerakan pelajar. Pelajar perlu mengaktifkan sistem ini apabila waktu persekolahan bermula sehinggalah pelajar sampai di pangkuan keluarga. Dalam sistem ini juga pelajar perlu merekodkan segala tugas yang diberi, dan pelajar akan diberi peringatan mengenai tugas-tugas sekolah yang belum disiapkan. Di setiap hujung minggu sistem ini akan menghitung mata yang diperolehi sepanjang minggu tersebut samada dari sudut subjek mata pelajaran mahupun aktiviti-aktiviti pelajar yang lain.

Sistem penilaian pengukuran Tahap Pemahaman dan Penguasaan

Penilaian pengukuran merupakan sistem untuk mengukur setelah mempelajari sesuatu sebagai penilaian adakah berjaya menguasai sepenuhnya ilmu tersebut. Cadangan penilaian pengukuran tahap pemahaman berdasarkan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama iaitu penilaian pengukuran melalui tahap pemahaman pelajar berlaku ketika sesi sepanjang pembelajaran dengan wujudnya proses tindak balas pelajar ketika soal jawab seperti kuiz dan tugas pembelajaran. Markah yang terkumpul bagi sesi pembelajaran ini sebanyak 30%. Manakala bagi daripada 100% adalah sebanyak 70% akan dinilai pada ujian atau peperiksaan akhir tahun

melalui tahap penguasaan pelajar. Sistem pengukuran ini telah lama dijalankan pada peringkat pengajian tinggi lagi namun sistem ini tidak digunakan di peringkat persekolahan.

Para pendidik bahasa Arab memikul tanggungjawab yang besar untuk menanam minat yang baik dalam kalangan pelajar. Usaha ini mestilah dibuat seawal mereka memasuki alam pembelajaran bahasa Arab dengan menonjolkan keistimewaan dan kelebihan bahasa Arab. Keistimewaan dan kelebihan bahasa Arab bukan hanya digambarkan menerusi penerangan lisan akan tetapi perlu juga dipupuk menerusi aktiviti-aktiviti yang berasaskan pendekatan belajar secara membuat (*learning by doing*). Menerusi pendekatan ini, pelbagai aktiviti pembelajaran yang berpusatkan pelajar boleh dilaksanakan seperti permainan bahasa, perbincangan, sumbang saran, forum, pidato, lakonan dan lain-lain lagi. Para pelajar diberi bimbingan oleh guru untuk menguasai bukan sahaja item-item linguistik akan tetapi turut melibatkan strategi-strategi menggunakan item-item tersebut dalam situasi-situasi yang dipilih bagi mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab.

Para guru bahasa Arab perlu meningkatkan strategi pengajaran-pembelajaran supaya ia lebih melibatkan penyertaan pelajar. Pengajaran berpusatkan pelajar melihat pemerolehan bahasa sebagai satu proses mendapatkan kemahiran-kemahiran bahasa dan bukan hanya proses mendapatkan maklumat-maklumat tentang bahasa semata-mata. Ia melihat bahawa mempelajari bahasa bukan hanya sekadar untuk mengetahui tapi juga boleh menggunakannya. Untuk mendapatkan kemahiran, para pelajar perlu diberi peluang yang sebaik mungkin untuk mempraktikkan maklumat-maklumat bahasa yang mereka pelajari. Penglibatan pelajar perlu dipelbagaikan dan bukan hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti menganalisis bahasa sahaja. Guru perlu melibatkan para pelajar dengan tugas-tugas yang tidak hanya tertumpu kepada aspek struktural tetapi juga turut melibatkan aktiviti-aktiviti yang menekankan kemahiran-kemahiran berkomunikasi. Strategi pengajaran guru harus dirancang dengan baik dan memilih aktiviti yang berbentuk interaktif serta mampu menarik minat pelajar untuk memajukan keupayaan bahasa Arab mereka. Pemerolehan bahasa hanya dapat dihasilkan menerusi aktiviti-aktiviti komunikasi. Oleh itu, peluang-peluang untuk menggunakan bahasa sasaran menerusi pelaksanaan aktiviti-aktiviti komunikasi perlu disediakan kepada para pelajar dan para guru lebih berperanan sebagai penasihat, pengurus, sumber rujukan, fasilitator dan penghubung.

Justeru itu, pelbagai kajian telah memberi gambaran bahawa penerimaan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab di peringkat sekolah rendah (tahap satu dan dua) adalah memuaskan (Muhamad, Ahmad, & Mat, 2013). Namun begitu, tahap memuaskan haruslah diiringi bersama usaha gigih agar penggunaan bahasa Arab seiring dengan peredaran zaman. Tambahan lagi, status bahasa Arab sebagai bahasa agama dan bahasa Al-Quran serta pemangkin utama kepada perpaduan masyarakat Islam dapat di sinambungkan kepada generasi berikutnya (Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod, 2010). Oleh itu, kajian lanjutan berkaitan bahasa Arab haruslah dijalankan dan terus diterokai khususnya pada peringkat sekolah rendah (tahap satu dan dua) kerana cabaran pada alaf 21 ini PdP telah mengalami faktor pemindahan proses secara *online*. Ini telah memberikan tekanan yang amat besar kepada ekosistem PdP pada semua peringkat khususnya bahasa Arab.

Kesimpulan

Satu revolusi pemikiran dan usaha secara kolektif oleh para pendidik bahasa Arab perlu dilakukan dalam pengajaran-pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. Persekitaran bahasa Arab merupakan satu faktor pendorong yang perlu diwujudkan dalam institusi pembelajaran bahasa Arab supaya ia dapat menzahirkan satu budaya penggunaan bahasa Arab yang aktif dan berkesan. Persekitaran bahasa Arab boleh diwujudkan menerusi paparan bahasa Arab di papan kenyataan atau di dinding, penggunaan yang aktif dalam komunikasi antara guru sesama guru atau guru dengan pelajar, penganjuran aktiviti luar kelas seperti klinik bahasa Arab, pertandingan bahasa Arab, perkhemahan bahasa Arab, hiasan imej-imej Arab dan sebagainya. Sebaiknya, semua institusi aliran agama melancarkan kempen bahasa Arab secara *online* bagi menjalankan tindakan pemulihan keadaan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kelemahan bahasa Arab dalam kalangan generasi pelajar aliran agama di sekolah rendah pada hari ini merupakan satu masalah yang besar dan bersifat nasional. Oleh itu, adalah disarankan kajian lanjutan perlu dijalankan untuk menangani masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. 2009. Kompetensi komunikatif dan strategi komunikatif bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di negeri Selangor, Tesis Doktor. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ahmad Farid Fadhli Mustafa & Abd Halim Mohamad. 2014. Tahap penguasaan bahasa Arab: kajian melalui ujian penempatan bahasa Arab (APT). In *Conference: 2nd World Conference on Islamic Thought and Civilization* Di Casuarina@Meru, Ipoh, Perak. 18-19 Ogos 2014.
- Ahmad Farid Mustafa. 2014. Tahap penguasaan bahasa Arab: Kajian melalui ujian penempatan bahasa Arab (APT). Universiti Sultan Azlan Shah. Seminar Serantau Peradaban Islam, 514-526
- Ahmad, Z., Abdullah, I., & Islam, F. P. (2014). Metode Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Empat Kemahiran. In *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*.
- Basumi, Z., & Hassan, H. (2019). Pengaruh Faktor Jantina Dan Opsyen Guru-Guru Bahasa Inggeris Terhadap Gaya Pengajaran. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2, 79-86.
- Berita Harian Online, 6 Mei 2019
- Ghani, M. T. A., & Daud, W. A. A. W. (2018). Bahasa Arab untuk pendidikan awal kanak-kanak: satu kajian analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 7, 70-82.
- Grasha, A. F. (1994). A Matter of Style: The Teacher as a Expert, Formal Authority, Personal Model, Facilitator And Delegator. *College Teaching* 48(1): 2-15
- Hasyim Asy'ari. 2016. *Keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran, Pendidikan Bahasa Arab*. Institut Pasantren KH. Abdul Chalim, Mojokerto, Indonesia.

- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. 2013. Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. Gema Online, *Journal of Language Studies*, Penerbit UKM
- Jamilah Ahmad & Niranjaya Weerakkody. 2011. Komunikasi budaya silang, kompetensi, pengajaran, dan pembelajaran: Satu Analisis, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1): 45-53
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. (2010). Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Strategi Utama Pembelajaran Bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 9(2), 1-13.
- Karim, A. R. A., & Hussin, M. S. H. B. (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Santiham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 18-44.
- Kassim, N., Damit, S. A., & Taat, M. S. (2017). Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS. *Jurnal'Ulwan*, 2(1), 125-142.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shahrudin, Farah Nur- Rashida Rosnan & Wazzainab Ismail. 2019. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz wal qiraat. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(2): 1-15
- Lubis, M. A., Alias, Z., & Shahrudin, H. N. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 39(1), 51-61.
- Maliki, A. B. H. M., Abdullah, M. R., Nadzmi, A., Zainoddin, M. A. R., Puspitasari, I. M., Jibril, N. F. A., ... & Ali, S. K. S. (2021). Kids motor performances datasets. *Data in brief*, 34, 106582.
- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad & Rahmah Yahya. 2012. Model pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. In *Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*. *Prosiding*.
- Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahya & Muhammad Sabri Sahrir. (2013). Penambahbaikan Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio Melalui Penggunaan Live Video Dalam Facebook®. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 109-119.
- Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (2006). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhamad, I., Ahmad, W. M. A. W., & Mat, A. C. (2013). Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(2): 81-97.
- Muhammad Sabri Sahrir. 2015. Bahasa Arab tembusi pengajian formal di sekolah, universiti. *Berita Harian*, 23 Sept. 2015.
- Norazman Mohd Noordin. 2006. *Tesis Penguasaan Kemahiran Membaca Dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Universiti Malaya
- Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2). 555-569.

- Yoyon Efendi. 2018. Sistem Pengendalian Lampu Menggunakan Raspberry Pi Berbasis Mobile. *Jurnal Internet Of Things (IOT)*. 1(3): 20-36.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.